

# Karisma Jasa sebar konsep 1Malaysia

**K**UMPULAN Rakan Siswa Jasa Malaysia (Karisma Jasa) bermuafakat menyebarkan konsep 1Malaysia kepada masyarakat supaya pendekatan yang bertujuan merapatkan hubungan antara kaum difahami pelbagai lapisan masyarakat.

Golongan sasaran terutama generasi muda yang juga murid dan pelajar sekolah, perlu mendapat pendedahan mengenai konsep berkenaan supaya mereka lebih menghayati prinsip perpaduan dan saling hormati menghormati.

Baru-baru ini, 90 pelajar dari empat institusi pengajian tinggi berkunjung ke kawasan penempatan di Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Burong, Kuala Selangor, bagi menjayakan usaha menerapkan konsep berkenaan kepada penduduk.

Program Perkampungan

Baktisiswa 1Malaysia Karisma itu turut menjayakan misi kaji selidik mengenai kesedaran masyarakat mengenainya.

Presiden Karisma Jasa, Abu Naim Bakri, berkata aktiviti dijayakan peserta dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Tun Razak.

Program kemasyarakatan itu kata beliau, mendedahkan kepada masyarakat mengenai misi gagasan dengan menerapkan nilai murni cintakan negara kepada penduduk setempat.

Selain memaklumkan mengenai projek kerajaan dan pembangunan pendidikan, katanya, program diisi dengan pelbagai aktiviti sampingan antaranya mencari harta karun, *explorace*, jamuan dan cabutan nombor bertuah.



**KUMPULAN** Karisma Jasa bersama penduduk Sungai Burong, Kuala Selangor.